KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KETUA EKSEKUTIF
*CHIEF EXECUTIVE*
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
*Skills Development Fund Corporation*
Kementerian Sumber Manusia
*Ministry of Human Resources*
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur

TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

Telefon : 03 – 4051 6009
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my
Laman Web : http://www.ptpk.gov.my

Ruj. Kami : PTPK.P&P.100-1/4/1 (56)
Tarikh : 11 November 2025

**Ketua Eksekutif/Pengarah/Pengurus**
**Penyedia Latihan Berdaftar Dengan PTPK**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PINDAAN KRITERIA PENDAFTARAN PELATIH SECARA DALAM TALIAN BAGI PERMOHONAN PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN TAHUN 2025 BAGI PENYEDIA LATIHAN SWASTA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat makluman ruj. no.: PTPK.P&P.100-1/4/1 (55) bertarikh 28 Oktober 2025 dan perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pendaftaran dan Agihan (JPPA) bilangan 13 tahun 2025 yang bersidang pada 7 November 2025 telah bersetuju untuk **meminda kriteria** Pendaftaran Pelatih Secara Dalam Talian seperti berikut: -

i. menggugurkan kriteria rekod permohonan rayuan lewat penghantaran dokumen bagi permohonan pinjaman yang diluluskan; dan

ii. meminda permohonan pendaftaran lewat secara dalam talian bagi latihan yang bermula dari bulan September 2025 kepada bulan Jun 2025.

3. Walau bagaimanapun, sesi pendaftaran pelatih secara dalam talian bagi permohonan Pinjaman Latihan Kemahiran Tahun 2025 masih mengekalkan kriteria yang telah ditetapkan, dan sesi pendaftaran **dibuka sehingga 30 November 2025. Pengagihan kapasiti ini adalah berdasarkan prinsip *first come first serve basis*.**

4. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan semua urusan permohonan pinjaman latihan kemahiran secara dalam talian berjalan lancar, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diingatkan supaya mengambil perhatian terhadap perkara ini. Kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
***"Pekerja Kesuma Bangsa"***

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)**
Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia